

07 JULAI 2017

Penagih pil kuda dakwa dengar suara halus

Penagih pil kuda dakwa dengar suara halus

Kota Bharu: "Kamu pukul dia, pukul guna parang. Dia yang menyebabkan kamu jadi begini". Itu antara suara halus didengari pesakit mental, Ahmad (bukan nama sebenar) sebelum dia dimasukkan ke Hospital Raja Perempuan Zainab II (HRPZ II).

Ahmad mendakwa, bunyi suara lelaki itu berulang beberapa kali dan semakin kuat menyebabkan dia hilang kawalan serta mengamuk untuk memukul rakamya tetapi abangnya menghantarnya ke hospital untuk rawatan lanjut.

Menceritakan perkara itu, Ahmad yang berusia 21 tahun dan berasal dari daerah ini berkata, dia mula mengambil pil kuda sejak berusia 16 tahun dengan kuantiti sedikit dan jumlah itu semakin meningkat selepas itu.

"Pada mulanya, saya ambil sebiji seminggu dan ia semakin bertambah. Sebelum berada di hospital, hampir setiap hari iaitu pada waktu petang saya mengambil pil kuda yang dibeli daripada rakan sekampung.

"Kami beramai-ramai 'menikmati' dadah di kawasan kami. Ketika itu saya tidak terfikir pil kuda boleh menyebabkan sakit mehtal kerana hanya memikirkan keseronokan.

"Pil kuda mampu membuatkan saya jadi kuat, pandai bercakap, kurang tidur dan nafsu juga meningkat apabila melihat perempuan. Keadaan itu berterusan selama beberapa tahun sehinggalah saya tidak sedarkan diri selama dua hari dan mendengar bisikan halus," katanya.

Ahmad berkata, selepas beberapa hari menerima rawatan di hospital, dia kembali

Ahmad berkata, selepas beberapa hari menerima rawatan di hospital, dia kembali sedar dan mampu bercakap dengan baik, selain berjanji tidak akan menyentuh bahan terlarang itu lagi.

"Selepas ini saya akan berpindah dan tinggal bersama abang bagi mengelak saya terjebak dengan pil kuda lagi," katanya yang mendakwa penghuni hampir setiap rumah di kampungnya terbabit dengan penyalahgunaan dadah.

Berbeza dengan Musa (bukan nama sebenar) yang terbabit dengan dadah sejak 10 tahun lalu berkata, dia tidak pernah mendengar suara halus, sebaliknya melihat dunia semakin pelik dan semua orang memandang sinis terhadapnya.

"Dalam tempoh terbabit dengan dadah termasuk menjadi pengedar, pelbagai dadah saya cuba dan mengakui syabu paling sedap, namun disebabkan kurang pembekal, saya beralih kepada pil kuda," katanya.